



JABATAN PERDANA MENTERI
AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

DASAR PENGURANGAN RISIKO BENCANA NEGARA 2030 PANDUAN UNTUK MENJADI NEGARA BERDAYA TAHAN BENCANA

Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) pada 3 Oktober 2024 bertujuan untuk menjadi rujukan utama dalam menyediakan panduan pengurusan risiko bencana di semua peringkat sama ada nasional, tempatan mahupun merentasi sektor secara menyeluruh. Matlamat utama dasar ini adalah menjadikan Malaysia sebuah negara yang selamat dan berdaya tahan bencana dengan mengurusperdanakan pengurangan risiko bencana yang komprehensif dan inklusif ke arah kesejahteraan rakyat dan pembangunan yang mampan.

Dasar ini telah menggariskan empat (4) Prinsip, lima (5) Teras Strategik dan enam (6) Sasaran Utama dan Tindakan untuk digunapakai oleh semua pemegang taruh seperti Kerajaan Persekutuan, Negeri, PBT, sektor swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), NGO dan masyarakat sebagai panduan dan rujukan utama supaya dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih relevan dan berkesan.

Di peringkat global telah mengenalpasti tujuh (7) sasaran dalam pengurangan risiko bencana iaitu mengurangkan kadar kematian, mengurangkan bilangan mangsa yang terjejas, mengurangkan kadar kerugian ekonomi, mengurangkan kadar kerosakan infrastruktur dan gangguan bekalan asas, meningkatkan negara yang mempunyai strategi untuk pengurangan risiko bencana, meningkatkan kerjasama antarabangsa dan meningkatkan keberadaan sistem ramalan awal bencana. Kesemua sasaran global ini telah diambil kira dalam penggubalan Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030.

Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 digubal selari dengan instrumen global iaitu Kerangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030. Ini jelas mencerminkan komitmen kerajaan dalam memenuhi agenda global untuk mengurusperdanakan pengurangan risiko bencana dan sekaligus membentuk negara Malaysia yang selamat dan berdaya tahan bencana melalui pencegahan, mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas dan pembinaan semula. Selain itu, di dalam dasar ini juga menerapkan aplikasi sains dan teknologi kerana ia amat penting dalam menyokong proses membuat keputusan.

Skop bencana yang terangkum dalam dasar ini terpakai untuk risiko semua jenis risiko sama ada bencana bersaiz kecil dan besar, kerap atau langka, cetusan pantas atau perlahan yang disebabkan oleh bahaya alam dan cetusan manusia termasuk berkaitan alam sekitar, teknologi dan biologi. Selaku agensi peneraju pengurusan bencana, NADMA sentiasa memastikan langkah-langkah pengurusan bencana yang diambil adalah relevan dengan cabaran semasa.

Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 digubal oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara dengan kerjasama Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI-UKM) serta Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Proses penggubalan merangkumi tujuh bengkel dengan pihak berkepentingan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta survei awam yang melibatkan hampir 1,000 individu. Dengan pengenalan dasar ini, semua pemegang taruh dapat bergerak ke arah satu objektif dari segi strategi dan pendekatan yang sama untuk mengurangkan risiko bencana kepada negara.

NADMA berharap agar semua pihak berkepentingan merangka Pelan Tindakan Pengurangan Risiko Bencana peringkat masing-masing dengan memperincikan aktiviti yang akan dilaksanakan, anggaran belanjawan dan sasaran khusus berdasarkan Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030. Pelan tindakan ini harus disemak semula dan dikemas kini secara berkala untuk memantau kemajuan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan. Platform Nasional Pengurangan Risiko Bencana (MyDRR) akan menjadi medium untuk semua pihak berkepentingan melaporkan aktiviti DRR mengikut skop dan tanggungjawab masing-masing.

Buku dasar ini boleh dimuat turun dari portal NADMA di www.nadma.gov.my.

####

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS
Ketua Pengarah
Agensi Pengurusan Bencana Negara
9 Oktober 2024